

Kerajaan hanya syorkan satu sistem pengangkutan awam

# Kesesakan jalan raya di KL akan diatasi segera – PM

11 JUN 1991

**K**UALA LUMPUR 31 Mei — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad memberi jaminan bahawa kerajaan akan mengambil langkah segera bagi mengatasi masalah kesesakan jalan raya di ibu negara yang kini semakin meruncing.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan hanya akan mengesyorkan satu sistem pengangkutan awam sama ada monorel, sistem transit laju ringan (LRT) atau sistem lain.

Katanya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah diarahkan mengkaji perkara tersebut.

"Kita akan buat keputusan tidak lama lagi..." katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat pertama Jawatankuasa Khas Pembangunan Kuala Lumpur (JKPKL) di sini petang ini.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, kerajaan terpaksa menanggungkan projek sistem pengangkutan awam sehingga sekarang kerana masalah ke-

melesetan ekonomi pada tahun 1985.

Projek monorel, LRT, Aero-bus adalah antara beberapa sistem pengangkutan awam yang telah dirancang sejak awal tahun 1980-an oleh DBKL.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sebenarnya hendak melaksanakan projek itu pada masa sekarang.

"Tetapi sudah ditakdirkan tak boleh jadi... tak jadilah. Tetapi usaha ada, bukan macam setengah orang... dia kata tak payah buat pasal kita nak miskin dah," katanya.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan sentiasa peka dan menginsafi masalah kesesakan jalan raya yang dihadapi oleh orang ramai khususnya wargakota.

"Saya sendiri pada Isnin lalu telah menaiki helikopter polis untuk meninjau dari udara keadaan kesesakan dan saya akan buat tinjauan dari udara itu sekali lagi," katanya.

Dato' Sri Dr. Mahathir memberitahu, ada cadangan supaya dilaksanakan sistem zon terhad

kepada pemandu - pemandu kereta yang memasuki pusat bandar.

"Bermakna sesiapa yang ingin masuk ke zon ini mesti membayar dan kita mungkin menghadkan bilangan kereta yang boleh masuk ke zon berkenaan.

"Ini juga bererti para pengguna dikenakan bayaran sebagai mana sistem tol," katanya.

"Tapi kalau kita hendak kemudahan, saya tidak nampak satu jalan mengadakan kemudahan yang baik tanpa bayaran kerana kerajaan mempunyai sumber kewangan yang terhad," katanya.

Perdana Menteri berkata, mesyuarat hari ini juga memutuskan penubuhan sebuah jawatankuasa peringkat pegawai yang dianggotai oleh DBKL dan majlis - majlis daerah yang berhampiran bagi mengatasi segera beberapa masalah tertentu.

Jawatankuasa tersebut, katanya, bertujuan menyelaraskan urusan aspek - aspek pemba-

ngunan Kuala Lumpur dan sekitarnya.

Ini, katanya kerana pembangunan Kuala Lumpur dan sekitarnya perlu serta bagi mengclakkan ketidsakseimbangan misalnya aliran kereta yang terlalu banyak ke pusat bandar dan sebagainya.

Mesyuarat post kabinet pada 3 April lalu memutuskan penubuhan JKPKL.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, penubuhan JKPKL berikutan semakin banyak rungutan daripada orang ramai terhadap masalah pembangunan Kuala Lumpur.

Beliau seterusnya menjelaskan, penubuhan jawatankuasa itu adalah untuk mengambil tindakan segera terhadap masalah kemajuan ibu negara dan bagi mengelakkan pertindihan tugas peranan semua pihak termasuk kementerian - kementerian berkenaan.

Selain daripada itu, Perdana Menteri berkata, mesyuarat tersebut bersetuju supaya DBKL menyediakan sebuah peta raksasa untuk panduan dan mengetahui kedudukan atau aspek - aspek tertentu.

"Dengan adanya peta besar ini, kita boleh melihat serentak segala yang ada di K.L. Maka kita lebih mudah fahami masalah KL dan mencari cara - cara mengatasinya," ujar beliau.

Beliau seterusnya berkata sebagai permulaan mesyuarat tersebut hanya membincangkan beberapa perkara iaitu soal kondominium / gedung - gedung perniagaan, sistem pengangkutan awam / kesesakan jalan, pembedaan / perparitan, setingan dan pencemaran alam.

Antara ahli - ahli JKPKL yang hadir pada mesyuarat itu ialah Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Ling Liong Sik, Menteri Tenaga Telekom dan Pos, Dato' Sri S. Samy Vellu, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji, Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Haji Mohd. Taib dan Datuk Bandar, Tan Sri Elyas Omar.

Jawatankuasa itu turut dianggotai oleh Menteri Kewangan, Dato' Sri Anwar Ibrahim, Menteri Kerajaan, Dato' Leo Moggie, Menteri Perusahaan Awam, Dato' Yusof Nor dan Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar, Encik Law Hieng Ding.

Mesyuarat kedua jawatankuasa itu akan diadakan dua bulan lagi.